

APA ITU PETYA ?

Ransomware Petya adalah sejenis malware berbahaya yang menyekat akses kepada komputer yang dijangkitinya menggunakan kaedah penyulitan dan menuntut wang tebusan sebagai syarat mengakses semula komputer. Kod ransomware Petya telah diwujudkan tahun lalu, dengan sedikit pengubahsuaian dibuat, untuk menyamai kaedah yang diguna pakai oleh ransomware Wannacry. Ia mengeksploit komputer yang mengguna pakai perisian Microsoft Windows yang tidak dikemas kini dengan 'patches' terkini.

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DARIPADA SERANGAN RANSOMWARE PETYA

1. Melakukan "backup" fail dan maklumat penting secara berkala untuk menghadkan kesan data atau kerugian sistem dan untuk membantu mempercepatkan proses pemulihan. Sebaiknya data yang di "backup" perlu disimpan pada peranti berasingan dan disimpan di luar talian.
2. Memastikan perisian "anti-virus" dikemaskini.
3. Pastikan sistem operasi dan perisian telah dikemas kini dengan "patches" yang terkini.
4. Sekat kesemua SMB (445/TCP) jika tidak digunakan. Disable Server Message Block versi lama seperti SMBv1.
5. Pastikan pautan web dan e-mel adalah berkenaan dan selamat untuk dilawati.
6. Pastikan e-mel kepilang selamat untuk dibuka.
7. Mengasingkan sistem yang tidak dikemas kini dari rangkaian.

ANCAMAN

RANSOMWARE

PETYA

Sebarang Pertanyaan :
Helpdesk BPM KKM
03-8883 3883
helpdesk@moh.gov.my

Sumber : M.K.N JPM